

22/08/2000

Pidato Piala Diraja serlah bakat pemimpin pelapis

Mohd Azrone Sarabatin

PERTANDINGAN akhir Pidato Piala Diraja ke-18 di Dewan Muktamar, Pusat Islam Kuala Lumpur, baru-baru ini, bukan sahaja menyerlahkan bakat muda yang bijak berhujah tetapi memiliki kepemimpinan berkarisma.

Kesemuanya bijak menyusun kata berestetika, mengemuka hujah bagai pendeta dan cadangan bernas untuk keharmonian, kemakmuran dan kemajuan negara terutama dalam menghadapi cabaran ekonomi, politik, budaya dan teknologi terkini dalam era globalisasi.

Kemampuan berpidato tulen terserlah apabila melihat kemampuan mereka mengeluarkan hujah, menyusun bahasa yang indah dan memukau di samping gaya dan penyampaian menarik melalui tajuk spontan yang diberi dalam pidato kali kedua. Pidato kedua menguji kebolehan berpidato spontan peserta kerana diberi secara spontan di atas pentas, bukan membuat persediaan awal seperti tajuk pertama. Kebanyakan peserta mampu menyampaikan pidato secara berkesan dan menarik bukan saja melalui pertandingan akhir tetapi di kalangan peserta lain di peringkat separuh akhir yang diadakan sebelumnya.

Kewibawaan yang mereka miliki jelas menggambarkan pemedato terbabit mempunyai jati diri kukuh dan tahap pemikiran tinggi, seperti diperlukan oleh seorang pemimpin.

Biarpun ia hanya pertandingan peringkat pelajar sekolah dan dianggap bukan gelanggang sebenar memilih pemimpin negara di masa depan, tetapi tidak dapat dinafikan ia adalah medan mengesakan pemimpin pelapis.

Sejarah membuktikan, ramai pemimpin negara dan dunia masa kini adalah pemedato unggul dan dikagumi ketika menuntut di sekolah atau institusi pengajian tinggi.

Senario ini tidak mustahil diwarisi pemedato era ini, di mana mereka perlu memantapkan bakat yang ada dengan belajar daripada kematangan dan keunggulan pemimpin masa kini.

Pertandingan berkenaan menyaksikan pelajar Tingkatan Empat, Sekolah Seri Puteri, Kuala Lumpur yang mewakili Wilayah Persekutuan, Nurhazlin Mat Musak dan murid Tahun Enam, Sekolah Kebangsaan (SK) Taman Uda, Alor Star (Kedah), Syed Nabil Syed Zulkiflee muncul juara, masing-masing untuk kategori sekolah rendah dan menengah.

Nurhazlin menyampaikan pidato bertajuk Tegak Rumah Kerana Tiang dan Peranan Komputer Kepada Pelajar Masa Kini, sementara Syed Nabil, Menghargai Jasa Guru dan Kalau Saya Jadi Menteri Pendidikan.

Tempat kedua kategori sekolah menengah diraih Satawani Samir @ Sitiwani dari Sekolah Menengah (SM) Agama Kota Kinabalu (Sabah) yang menyampaikan pidato bertajuk Kemakmuran Malaysia Tanggungjawab Bersama dan Peranan Sukan Dalam Pembangunan Malaysia.

Pidato bertajuk Kemakmuran Malaysia Tanggungjawab Bersama dan Peranan Media Dalam Menangani Gejala Sosial yang menjadi pilihan Mohd Juwaini Abdul Rahman, 16, dari SM Sains Teluk Intan (Perak) membolehkannya menduduki tempat ketiga.

Bagi kategori sekolah rendah, tempat kedua disandang Muhamad Afiq Mokhtar, 12, dari SK Laksamana, Kota Tinggi (Johor) dengan tajuk Menghargai Jasa Guru dan Kalau Saya Jadi Menteri Pelancongan Malaysia.

Tempat ketiga, Faizah Mohd Haris, 12, dari SK Seksyen 9, Shah Alam (Selangor), yang menyampaikan pidato berjudul Bersama Merayakan Bulan Kemerdekaan Negara dan Kalau Saya Jadi Menteri Kesihatan Malaysia.

Piala Diraja adalah piala pusingan bagi pertandingan pidato membabitkan kategori sekolah rendah dan menengah yang diadakan di seluruh negara,

sempena sambutan Hari Kebangsaan, dengan setiap negeri diwakili seorang peserta di peringkat separuh akhir.

Piala sumbangan Bank Rakyat dan Koperasi Shamelin Berhad (Shamelin) itu diperbuat daripada perak, berukuran 61 sentimeter tinggi dan lebar tapaknya 1.9 sentimeter.

Terdahulu di pusingan separuh akhir yang diadakan di Sekolah Alam Shah, Kuala Lumpur, enam peserta layak ke pertandingan akhir masing-masing tiga kategori sekolah rendah dan menengah, selepas menewaskan 11 peserta lain.

Peserta dikehendaki menyampaikan dua pidato di mana dalam pusingan pertama peserta menyampaikan pidato pilihan sendiri menerusi tajuk disediakan jawatankuasa penganjur, sementara pusingan kedua secara spontan, di mana peserta diminta membuat cabutan tajuk disediakan.

Hadiah pertandingan berkenaan, bagi kategori sekolah menengah, selain piala pusingan, juara kategori itu juga membawa balik wang tunai bernilai RM800, Piala Iringan, Replika dan Sijil.

Sementara pemenang kedua dan ketiga bagi kategori itu, masing-masing menerima hadiah wang tunai berjumlah RM600 dan RM400, Sijil dan Piala Iringan.

Bagi kategori sekolah rendah, johan dianugerahkan wang tunai RM600, Piala Pusingan, Piala Iringan, dan sijil, sementara tempat kedua dan ketiga masing-masing wang tunai RM400 dan RM200, piala iringan dan sijil.

Yang di-Pertuan Agong, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah menyampaikan hadiah kepada pemenang.

Hadir Sama Raja Permaisuri Agong, Tuanku Siti Aishah, Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad dan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pusat Bulan Kemerdekaan 2000, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir.

Mengenai rahsia kejayaannya, Nurhazlin berkata ia berkat dorongan ibu bapa, nenek, guru dan rakan-rakan, dengan dibantu semangat ingin bersaing dan tidak kenal erti putus asa.

Beliau yang bercita-cita menjadi Pakar Psikologi Kanak-Kanak, mengakui kehebatan peserta yang layak ke pertandingan akhir mendorongnya untuk melakukan yang terbaik.

Justeru menurutnya, tekanan dihadapi dengan sendirinya hilang dan muncul kekuatan dan idea bernas untuk mengemukakan gagasan pemikiran yang mampu menarik perhatian panel hakim, tetamu kehormat dan hadirin.

"Ketika diumumkan layak ke pertandingan akhir, saya merasakan persaingan agak sengit, tetapi semangat menjadi yang terbaik membantu kelancaran hujah dan menghilangkan rasa gementar," katanya.

Sementara itu, Syed Nabil yang bercita-cita menjadi Perdana Menteri menganggap kejayaan yang diraihnya dibantu oleh tunjuk ajar guru dan dorongan ibu bapa dan rakan-rakannya.

Pasangan kembar sulung daripada empat beradik itu berkata, beliau meminati bidang politik dengan menjadikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai idola.

Katanya, minat mengikuti ucapan Perdana Menteri membantunya menguasai bahasa dan mengatur kata-kata, yang bukan sekadar hujah tetapi mempunyai makna dan iktibar.

"Saya bangga menjadi anak Malaysia dan bercita-cita memimpinnya pada masa depan, jika berjaya pastinya saya menjadikannya negara termaju di dunia," katanya.

Pertandingan berkenaan diadili lima hakim diketuai Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan, Jabatan Pendidikan Swasta, Kementerian Pendidikan, Yaakob Wan Ibrahim.

Kejayaan dalam pertandingan berkenaan pastinya membakar semangat peserta untuk memantapkan kepimpinan, dan diharap pelajar lain mencontohi kewibawaan mereka.

(END)